

07/10/1997

Krisis mata wang tidak jejas RM-7

PENURUNAN nilai mata wang yang melanda negara tidak akan menjejaskan perancangan pembangunan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Sambil menyifatkan kesan krisis itu sebagai minimum, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata kerajaan juga tidak bercadang mengkaji semula perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah program lima tahun itu.

"Keadaan itu berlaku kerana hutang luar kerajaan cukup rendah dan dijangka menurun lagi tahun depan.

"Jadi, dari segi kesannya kepada RM-7, ia tidak begitu ketara dan besar," katanya ketika menjawab soalan tambahan Akbarkhan Abdul Rahman (BN-Libaran).

Menurutnya, kadar hutang luar yang rendah itu menyebabkan bayaran balik pinjaman negara tidak begitu besar.

"Pada keadaan mata wang sekarang yang menurun dari segi nilai, tentu hutang negara menjadi besar. Tetapi, disebabkan hutang rendah, ia tidak begitu memberikan kesan," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Karpal Singh (DAP-Jelutong), Dr Affifuddin berkata, tuduhan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap penyangak spekulasi, George Soros adalah berasaskan bukti.

"Pendirian Perdana Menteri adalah jelas. Beliau tidak pernah membuat sebarang tohmahan jika tiada bukti. Dalam kes Soros, tuduhan dibuat adalah berdasarkan bukti," katanya.

Bagaimanapun, katanya, oleh kerana banyak yang diperkatakan mengenai hal itu, kerajaan tidak bercadang membentangkan Kertas Putih bagi mendedahkan angkara yang dilakukan oleh spekulator tertentu sebagai penyebab kejatuhan nilai mata wang negara.

Terdahulu, Dr Affifuddin memberitahu dewan perubahan kadar pertukaran nilai mata wang mempunyai kesan yang berbeza ke atas beberapa sektor.

"Bagaimanapun, sebagai dasar negara, kita tidak pernah bergantung ke atas kadar pertukaran untuk mengekalkan daya saing negara.

"Daya saing negara adalah dari segi kos pengeluarannya yang rendah diperolehi menerusi peningkatan kecekapan dan juga dari segi kualiti keluaran," katanya.

(END)